

Tarikh Dibaca: 12 Disember 2025M | 21 Jumadal Akhirah 1447H



KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

***“LGBT: MENGUNDANG BALA,
MENCABUT KEBERKATAN”***

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

"LGBT: MENGUNDANG BALAJ, MENCABUT KEBERKATAN"

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْقَائِلِ : وَلَوْطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِۦ أَتَأْتُونَ الْفَحِشَةَ مَا
سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنَ الْعَالَمِينَ. إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ
دُونِ النِّسَاءِ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِۦ وَلَا تَمُوتُنَّ
إِلَّا وَأَنْتُمْ مُّسْلِمُونَ.²

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan
kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan

¹ Al-A'raf: 80-81.

² Ali-'Imran: 102.

meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari yang mulia ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**LGBT: MENGUNDANG BALAH, MENCABUT KEBERKATAN**”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sesungguhnya kita hidup pada zaman yang ujian dan fitnahnya semakin menghakis nilai iman. Di tengah-tengah arus normalisasi maksiat, muncul satu penyakit sosial yang bukan sekadar menyalahi fitrah, bahkan mengundang kemurkaan Allah SWT sehinggakan nikmat keberkatan hidup tidak terasa lagi. Itulah budaya songsang LGBT iaitu singkatan kepada *Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender*. Semua ini merujuk kepada kecenderungan dan perilaku seksual yang menyimpang daripada fitrah penciptaan manusia.

Data terkini Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan bahawa pada tahun lalu sahaja, sebanyak 3,185 kes HIV baharu direkodkan dan antaranya berpunca daripada tabiat seks songsang seperti homoseksual dan biseksual.

Sangat menyedihkan pada hari ini, budaya songsang LGBT dipromosikan sebagai “hak”, “kebebasan”, dan “identiti”, sedangkan Allah SWT menamakan perbuatan ini sebagai keji, melampaui batas dan sesat daripada fitrah, sebagaimana diceritakan dalam kisah kaum Nabi Luth *Alaihissalam*.

Firman Allah SWT dalam Surah al-‘Araf ayat 80 dan 81 yang dibacakan diawal khutbah tadi bermaksud:

"Dan Lut juga (telah Kami utuskan). Ingatlah, ketika dia berkata kepada kaumnya, "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu? "Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dan bukannya kepada perempuan. Bahkan, kamu ini ialah kaum yang melampaui batas."

Dalam ayat ini, Allah SWT bukan sahaja mengecam perbuatan itu sebagai *الفاحشة* yakni perbuatan keji yang melampaui batas, tetapi menegaskan bahawa tiada umat sebelum itu yang berani melakukan dosa dan kerosakan seumpama itu. Dan apabila manusia melampaui fitrah, akhirnya Allah SWT menurunkan azab yang tidak pernah ditimpakan kepada mana-mana umat sebelumnya.

Di sini, kita katakan dengan setegas-tegasnya bahawa Allah SWT melaknat sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth. Laknat ini bukan sekadar celaan, ia adalah pengisytiharan kemurkaan Allah SWT yang disebut secara jelas sebagaimana hadis yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas *Radiallahuanhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ
قَوْمِ لُوطٍ - ثَلَاثًا -

"Allah melaknat sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth, Allah melaknat sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan kaum Nabi Luth (Baginda mengulanginya sebanyak tiga kali)".

(Riwayat Ahmad).

Rasulullah SAW juga menyatakan kebimbangan terhadap perbuatan terkutuk seperti ini. Sebagaimana sabdanya yang diriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah *Radiallahuanhu*:

إِنَّ أَخَوْفَ مَا أَخَافُ عَلَى أُمَّتِي عَمَلُ قَوْمِ لُوطٍ

"Sesungguhnya yang paling aku takut ditimpa kepada umatku adalah amalan kaum Nabi Luth."

(Riwayat al-Tirmizi).

Hadirin Jumaat yang berbahagia,

Apabila kita menyebut tentang maksiat kaum Nabi Luth *Alaihissalam*, ketahuilah bahawa ia adalah satu penyimpangan fitrah yang menjadi sebab kehancuran sesebuah masyarakat. Imam al-Qurtubi menukilkan riwayat daripada Ibnu Abbas *Radiallahuanhuma* bahawa kaum ini bukan sahaja melakukan syirik, tetapi mereka jugalah kaum pertama yang membuka pintu homoseksual sesama lelaki.

Ketika mana mereka tetap berdegil setelah diberi peringatan demi peringatan, akhirnya Allah SWT membinasakan mereka dengan azab yang tidak pernah ditimpakan kepada mana-mana umat sebelumnya. Bumi diterbalikkan, langit menurunkan batu-batu dari tanah yang dibakar sehinggalah mereka dibinasakan.

Firman Allah SWT dalam Surah Hud ayat 82 dan 83 :

فَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا جَعَلْنَا عَلَىٰهَا سَافِلَهَا وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهَا حِجَارَةً مِّنْ
سِّجِيلٍ مَّنْضُودٍ. مُّسَوِّمَةً عِندَ رَبِّكَ وَمَا هِيَ مِنَ الظَّالِمِينَ بِبَعِيدٍ.

"Maka apabila datang perintah Kami, Kami jadikan negeri kaum Nabi Lut itu terbalik (terbenam segala yang ada di muka buminya), dan Kami hujani mereka bertubi-tubi dengan batu daripada tanah yang dibakar. Semua itu diberi tanda oleh Tuhanmu (yang membinasakan mereka) dan ia pula tidaklah jauh daripada orang yang zalim itu."

Berdasarkan satu riwayat daripada al-Suddi bahawa, apabila kaum Nabi Luth bangun pagi, turun Malaikat Jibril mengangkat tanah ke langit daripada tujuh tanah yang berbeza. Sehingga terdengar salakan-salakan anjing mereka dan kokokan ayam-ayam mereka. Kemudian Malaikat Jibril menterbalikkan tanah tersebut menimpa mereka sehingga mereka terbunuh.

Hadirin Jumaat yang dimuliakan,

Jika ditanya pada kita, adakah kita sanggup berdepan dengan bala dan musibah seperti itu? *Waliyazubillah*, sudah tentu kita memohon agar dijauhkan! Kita memohon perlindungan Allah SWT daripada fitnah yang membinasakan dan daripada dosa yang mengundang azab sebagaimana yang menimpa kaum Nabi Luth *Alaihissalam*.

Inilah saatnya untuk kita sedar dan insaf bahawa fitrah bukan boleh dipermainkan, dan syariat tidak boleh dipandang ringan. Perbuatan LGBT bukan sahaja bercanggah dengan syariat tetapi ia juga bercanggah dengan akal yang waras. Hanya jiwa yang rosak dan sakit yang sanggup melakukannya. Orang-orang yang terjebak dalam perbuatan sebegini

hakikatnya jauh lebih hina daripada haiwan, kerana haiwan jantan mendatangi betina untuk meneruskan pembiakan, sedangkan manusia yang sesama jenis hanya memenuhi nafsu tanpa tujuan selain syahwat.

Saudaraku sidang Jumaat yang berbahagia,

Saya ingin menyeru kepada sesiapa yang terlibat dalam perbuatan sebegini agar segera bertaubat kepada Allah SWT. Ingatlah, pintu taubat sentiasa terbuka seluas-luasnya bagi mereka yang benar-benar ingin kembali kepada fitrah. Jangan biarkan diri terus hanyut dalam dosa yang bukan sahaja menyanggahi fitrah, malah membawa mudarat kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat sekeliling.

Bagi mereka yang mempunyai kecenderungan terhadap sesama jantina, segeralah mendapatkan rawatan dan jalani kaedah-kaedah terapi yang mampu membantu mengembalikan diri kepada fitrah yang sebenar. Pakar-pakar psikologi memperakui bahawa, homoseksual bukanlah suatu keadaan yang berkaitan dengan genetik, tetapi ia adalah penyakit jiwa yang boleh dirawat.

Akhirnya, marilah kita mengambil iktibar daripada kisah para Nabi dan umat terdahulu. Kembali mempertahankan fitrah dan *sunnatullah* dengan memelihara diri dan keluarga kita daripada perbuatan terkutuk sebegini. Moga dengan kembalinya kita kepada fitrah, akan lahirnya generasi yang waras dan sihat, sentiasa taat kepada perintah Allah SWT sekaligus mengundang keberkatan dan rahmat Allah SWT.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita mengambil pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan seharian kita:

1. Kita hendaklah menyedari bahawa perbuatan songsang seperti LGBT bukan sahaja menyalahi syariat dan fitrah, malah membawa mudarat kepada diri, keluarga dan masyarakat.
2. Kita perlu segera bertaubat dan memperbaiki diri sama ada yang terjebak secara langsung atau sekadar terdedah dengan pengaruh perbuatan songsang. Pada masa yang sama, berusaha mendapatkan rawatan dan nasihat pakar untuk kembali kepada kecenderungan fitrah yang sebenar.
3. Kita mestilah mengukuhkan hubungan kekeluargaan yang harmoni dengan membimbing anak-anak dan ahli keluarga kita supaya menjauhi gejala songsang dan maksiat.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَنَجِّنْهُ وَأَهْلَهُ أَجْمَعِينَ . إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ . ثُمَّ دَمَّرْنَا
الْآخَرِينَ .

"Maka Kami selamatkannya bersama keluarganya serta para pengikutnya. Kecuali seorang perempuan tua yang termasuk dalam golongan yang diazab itu. Kemudian Kami binasakan yang lain (yang menentang Lut)."

(Surah Al-Syu'ara': 170-172).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ .



ISLAMIC SAVOUR OBEEDIENCE

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِيْ اَنْزَلَ الشَّرِيْعَةَ، هَدٰى لِلنَّاسِ وَرَحْمَةً،
اَشْهَدُ اَنْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، وَاَشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُوْلُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلٰى يَوْمِ الدِّيْنِ. اَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ اَوْصِيْكُمْ وَاِيَّايَ بِتَقْوٰى اللّٰهِ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُوْنَ.

اِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيْمًا.³

اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى اٰلِهِ وَاَصْحَابِهِ
اَجْمَعِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمٰتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنٰتِ
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِيْنَ.

³ Al-Ahzab: 56.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ،
وَدَمِّرْ اَعْدَاءَ الدِّيْنِ، وَاَجْعَلْ هَذَا الْبَلَدَ اَمِنًا مُّطْمَئِنًّا وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ وَفِّقْ اَئِمَّةَ الْمُسْلِمِيْنَ وَوُلاَةَ اُمُوْرِهِمْ وَجَمِيْعَ الْمُسْلِمِيْنَ لِمَا
فِيْهِ صَلاَحُ الْبِلَادِ وَالْعِبَادِ.

اَللّٰهُمَّ اِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ اِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْاَمِيْنِ، وَنَسْأَلُكَ
بِاسْمَائِكَ الْحُسْنٰى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمٰى، اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ
عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا
الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ
الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَغْكُوْ اَمِيْر شَاهِ ابْنِ
السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ، فِيْ اَمْنٍ وَصَلاَحٍ
وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ

عُمْرُهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Kukuhkanlah akidah umat Islam berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat *Radiallahuanhum*. Jauhkanlah kami daripada segala bentuk rasuah dan salah guna kuasa, begitu juga kesesatan, syirik dan khurafat, serta lindungilah kami daripada fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.

Ya Allah! Kurniakanlah keamanan dan kemakmuran kepada negara dan negeri kami. Peliharalah kami daripada segala bentuk bala bencana, fitnah dan musibah. Anugerahkanlah kepada kami para pemimpin yang berintegriti, tegas dan berani menegakkan kebenaran berlandaskan syariat-Mu.

Ya Allah! Kurniakanlah ganjaran pahala kepada pembayar zakat, berkatilah umur dan harta mereka, gantikanlah zakat yang mereka tunaikan dengan perkara yang lebih baik, serta jadikanlah ia sebagai penyuci daripada segala dosa.

Ya Allah! bukannya hati umat Islam yang layak menunaikan zakat agar melaksanakan tuntutan kefarduan terhadap harta mereka. Jauhkanlah kami daripada sifat bakhil, suburkanlah rasa kasih sayang dan satukanlah hati-hati kami dalam kebaikan.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا.⁴

⁴ Al-Furqan: 74.

رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.⁵
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.⁶
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.

⁵ Al-Baqarah: 201.

⁶ Al-Nahl: 90.